

06/10/2001

MTUC bantah pelaksanaan VSS oleh MAS

Ahmad Fiesal Othman

KONGRES Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) tidak bersetuju Skim Pemberhentian Pekerja Sukarela (VSS) dilaksanakan sebagai langkah menyusun semula Penerbangan Malaysia (MAS) untuk menjadikannya syarikat yang menguntungkan menjelang 2004.

Presiden MTUC, Senator Zainal Rampak, berkata MAS seharusnya tidak mengikut syarikat penerbangan lain mengurangkan kakitangan kerana tenaga kakitangannya boleh digunakan dalam perancangan masa depan.

"Walaupun MAS menutup enam destinasi, saya percaya ia akan cari destinasi baru dan kebanyakan tenaga kerja MAS berpengalaman," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat MTUC dengan pengurusan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Zainal mengulas kenyataan Pengarah Urusan MAS, Datuk Mohd Noor Yusof semalam bahawa operasi syarikat penerbangan itu akan dirombak secara besar-besaran bagi mengelakkan kerugian.

Langkah itu, yang sudah lama dirancang terpaksa dipercepatkan berikutan industri penerbangan antarabangsa terjejas akibat serangan penganas ke atas Amerika Syarikat 11 September lalu.

Mohd Noor dilaporkan berkata, langkah itu dibuat bagi mengekalkan matlamat di bawah penyusunan semula operasi MAS untuk mengembalikannya sebagai syarikat yang menguntungkan menjelang tahun 2004.

Beliau dilaporkan berkata MAS mungkin melaksanakan VSS di kalangan lebih 21,000 pekerjaannya memandangkan sesetengah jabatan mempunyai lebihan pekerja yang ketara.

Sementara itu, Kesatuan Sekerja Kakitangan MAS (Maseu) menyokong kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kerajaan tidak akan memulakan usaha menyelesaikan masalah syarikat itu dengan pembuangan pekerja.

Maseu dalam kenyataan yang dikeluarkan semalam juga menggesa pengurusan MAS berbincang terlebih dulu dengan pihaknya sebelum mengumumkan sebarang langkah pengurangan pekerja.

Katanya, tindakan mengumumkan cadangan pengurangan kakitangan MAS kepada pihak media akan hanya menimbulkan keresahan dan panik di kalangan 20,000 kakitangan syarikat.

Maseu turut menggesa pengurusan merujuk artikel 20 dalam Tatacara Keharmonian Perusahaan atau Code of Conduct Of Industrial Harmony, sebelum membuat keputusan pengurangan pekerja.

Menurut kenyataan Maseu, pihak majikan juga mestilah mengadakan rundingan dengan kesatuan sekerja mengenai sebarang usaha cadangan pengurangan kakitangan yang dinyatakan itu.

Perdana Menteri, kelmarin berkata, jika ada sebarang masalah kerajaan tidak menyelesaikannya dengan terus memecat kakitangan, sebaliknya melihat bagaimana ia boleh diuruskan sebaik mungkin tanpa perlu membuang pekerja.

(END)